

09/06/2002

Takut PM, tak kena tempat

BAGI menjayakan Malam Wartawan Malaysia 2001, Ahad lalu, Zubir rasa bangga kerana dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Hiburan untuk menyelaras persembahan daripada artis popular malam itu. Tetamu kehormat, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama barisan VIP yang lain dihiburkan dengan persembahan istimewa daripada Anuar Zain dan Dayang Nurfaizah.

Buat pertama kalinya, Anuar bersama Dayang berduet menerusi lagu Dua Insan sambil diiringi kombo Petronas. Daripada kaca mata Zubir, persembahan berkenaan menjadi penyelamat kepada keseluruhan nyanyian Anuar dan Dayang malam tu.

Mana tidaknya semasa Anuar mendendangkan lagu barunya Permata, diikuti Widuri, mutu audio amat mendukacitakan. Muzik tenggelam! Nasib baiklah vokal Anuar tu powerful. Terjerit-jerit Zubir dengan walkie talkie suruh juru bunyi yang ditempatkan di aras lima supaya naikkan paras audio, tapi buat habis air liur aje.

Dahlah macam tu, Anuar pula terpaksa jadi bidan terjun apabila dengan tiba-tiba dia menyanyi lebih awal selepas lagu Tenda Biru dan Maria persembahan penyanyi Petronas dibatalkan kerana kesuntukan masa.

Berbalik cerita sound system, nasib Dayang juga sama apabila mendendangkan lagu Seandainya Masih Ada Cinta dan medley Unforgettable serta Getaran Jiwa. Pengurus Dayang, Anna yang duduk bersama juru audio, puas menyuruh mereka menaikkan paras audio, tapi `ado'!

Masa latihan petang tu, Zubir perhatikan semuanya perfect. Apabila PM dah datang, lain pula ceritanya.

Anna beritahu kat Zubir, "Masa Dayang menyanyi, I dah suruh mereka (juru bunyi) naikkan paras audio. Tapi mereka kata tak boleh sebab PM ada kat bawah. Muzik kena slow." Zubir benar-benar tak faham. Bukannya menyanyi lagu metal!

Bagi Zubir, takkanlah PM nak marah sebab muzik kuat. Nama pun persembahan hiburan. Kalau tak nak pasang muzik kuat, lebih baik suruh orang ketuk piano mainkan lagu instrumental!

(END)